

## Terma & Syarat Am

### Maklumat Umum Kempen Baring, Daftar & Menang

1. Baring, Daftar & Menang (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (“**Air Selangor**”).
2. Kempen ini bermula pada **15 Ogos 2023** dan berakhir pada **14 Mac 2024** (“**Tempoh Kempen**”). Sebarang penyertaan sebelum 12.00 pagi pada 15 Ogos 2023 dan selepas 11.59 malam pada 14 Mac 2024 tidak akan diterima.
3. Air Selangor berhak melanjutkan, menukar atau menangguhkan Kempen ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua peserta hendaklah mematuhi terma dan syarat sekiranya Kempen ini dilanjutkan, diubah atau ditangguhkan atas apa jua sebab sekalipun.
4. Air Selangor mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, menambah, menukar, mengalih atau meminda terma dan syarat Kempen ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

### Kelayakan Am

1. Kempen ini terbuka kepada semua pengguna domestik Air Selangor (Kod 10) berumur 18 tahun dan ke atas yang merupakan pendaftar pertama kali untuk e-Bil Air Selangor (“**e-Bil**”) sepanjang Tempoh Kempen.
2. Individu berikut **tidak layak** untuk menyertai Kempen ini:-
  - pengguna Air Selangor yang telah mendaftar untuk e-Bil sebelum Tempoh Kempen;
  - kakitangan Air Selangor (termasuk ahli keluarga terdekat kakitangan);
  - wakil, pekerja dan/atau ejen penyedia perkhidmatan promosi Air Selangor untuk Kempen ini; dan
  - pengguna Air Selangor yang mempunyai bayaran bil air tertunggak.

### Terma dan Syarat Penyertaan

1. Untuk menyertai Kempen ini, peserta yang layak mesti mengikuti langkah-langkah berikut:-
  - **Langkah 1:** Lengkapkan pendaftaran Kempen ini melalui [airselangor.com/sambilbaring](https://airselangor.com/sambilbaring). Pendaftaran Kempen ini termasuk dengan pendaftaran untuk e-Bil.
  - **Langkah 2:** Isikan semua butiran yang diperlukan:-
    - (i) nama;
    - (ii) e-mel;
    - (iii) nombor telefon; dan
    - (iv) nombor akaun bekalan air Air Selangor.
  - **Langkah 3:** Pastikan tiada bayaran bil air yang tertunggak.

## Terma & Syarat Am

2. Sekiranya peserta mempunyai lebih daripada satu (1) akaun bekalan air Air Selangor di bawah nama dan nombor kad pengenalan yang sama, maka hanya satu (1) akaun yang layak untuk menyertai Kempen ini.
3. Pendaftaran yang tidak lengkap dan/atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat Kempen ini akan menyebabkan penyertaan peserta dalam Kempen ini terbatal secara automatik tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

### Pemilihan Pemenang

1. Pemenang akan dipilih berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-
  - **Lapisan 1:** Pendaftaran e-Bil baharu.
  - **Lapisan 2:** Pendaftaran Kempen ini.
  - **Lapisan 3:** Membuat pembayaran bil air tanpa sebarang tunggakan sepanjang Tempoh Kempen.
  - **Lapisan 4:** Pemenang akan dipilih secara rawak pada setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.
2. Pemenang akan dihubungi melalui salah satu platform di bawah:-
  - e-mel;
  - khidmat pesanan ringkas (SMS); atau
  - panggilan telefon.
3. Pemenang yang dihubungi oleh Air Selangor akan tertakluk kepada percubaan maksimum dalam tempoh satu (1) minggu sahaja. Pihak Air Selangor berhak menukar pemenang sekiranya pemenang asal tidak dapat dihubungi.

### Syarat-Syarat Am

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah membaca dan memahami terma polisi privasi Air Selangor ("**Polisi Privasi**") dan dengan ini bersetuju bahawa data peribadi peserta akan diproses mengikut Polisi Privasi. Polisi Privasi boleh dirujuk di <https://www.airselangor.com/privacy-notice/>
2. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju untuk menyetujui sebarang liabiliti, kerugian, hak untuk ganti rugi dan apa-apa jenis tuntutan dan tindakan akibat daripada penerimaan, pemilihan, penggunaan atau penyalahgunaan hadiah, atau sebarang aktiviti berkaitan hadiah berkenaan, tanpa had, kecederaan, kematian dan kerosakan harta benda.
3. Sebelum menyertai Kempen ini, peserta hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan maklumat dan butirannya dikemas kini dan tepat melalui laman sesawang Air Selangor.
4. Sebarang penyertaan selepas Tempoh Kempen tidak akan diterima. Tiada rayuan akan dilayan.

## Terma & Syarat Am

5. Air Selangor tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penyertaan lewat, tidak layak atau dilakukan secara penipuan untuk apa jua alasan.
6. Air Selangor berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana pemenang yang terpilih jika terdapat sebarang pelanggaran terma dan syarat Kempen ini. Air Selangor juga berhak untuk membatalkan penyertaan palsu atau penyertaan yang disyaki palsu pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.
7. E-mel/surat pengesahan, bukti pemegang akaun bekalan air (sama ada dalam bentuk fizikal atau digital) bersama kad pengenalan asal/pasport hendaklah diserahkan semasa proses kutipan hadiah.
8. Selepas pemilihan pemenang, hadiah mungkin mengambil masa **sehingga ENAM (6) bulan** untuk dihantar kepada pemenang (jika berkenaan). Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada aturan oleh Air Selangor dengan pihak ketiga yang mungkin memerlukan pemenang untuk mengambil hadiahnya dari lokasi yang ditetapkan.
9. Peserta berhak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
10. Visual adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza daripada visual. Pemenang dikehendaki melaksanakan sebarang urusan yang diperlukan (pengangkutan untuk kutipan hadiah, dsb.). Lokasi pengambilan hadiah mungkin berbeza-beza.
11. Air Selangor tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran, jika berkenaan. Sebarang kos tambahan lain (iaitu perbelanjaan perjalanan) yang terlibat dalam penebusan hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
12. Keputusan Air Selangor dalam sebarang perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang permintaan rayuan atau semakan tidak akan dilayan.
13. Air Selangor berhak untuk mengubah, meminda dan/atau mengubah proses, hadiah dan terma dan syarat Kempen ini, serta aspek lain dalam Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen tanpa sebarang notis awal.
14. Air Selangor, kakitangannya dan pihak lain yang terlibat dalam penganjuran Kempen ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang insiden berikut:-
  - (a) gangguan daripada pihak yang tidak terlibat sepanjang Tempoh Kempen;
  - (b) sebarang kesilapan teknikal yang berkaitan dengan pendaftaran dan penyertaan; dan
  - (c) sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh penyertaan peserta dalam Kempen ini.
15. Air Selangor berhak untuk membatalkan mana-mana pendaftaran yang tidak konsisten dengan proses dan pengendalian Kempen ini, atau dalam pelanggaran atau percubaan untuk melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen ini.

## Terma & Syarat Am

16. Air Selangor berhak untuk menolak, menukar atau menggantung sebarang penyertaan Kempen ini jika berlaku keadaan yang tidak dijangka dan/atau di luar kawalan.
17. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju untuk mengadakan sesi fotografi dan video dengan Air Selangor, dan Air Selangor berhak untuk menggunakan hasil sesi fotografi dan video tersebut, dan menerbitkan sebarang gambar, video atau butiran peserta dalam media cetak atau elektronik untuk tujuan promosi, pengiklanan, publisiti dan pengumuman tanpa royalti dan/atau bayaran.

**Peringatan:** Terma dan syarat Kempen ini disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan. Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen ini, anda boleh menghubungi Air Selangor melalui laman Facebook rasmi Air Selangor.